

FALSAFAH TAUHID DI ALAM MELAYU

oleh Mohd Jakfar b. Embek.

Artikel ini adalah gabungan dari buku *Sains Falsafah dan Islam* oleh Sulaiman Noordin, terbitan Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993 dan *Falsafah Alam Semesta Melayu* oleh Dr. Abdul Rahman Hj Abdullah, terbitan Access Infotech Sdn Bhd, Selangor, 1995.

Pengenalan

Kertas ini membincarakan kewujudan tiga aliran dalam membincangkan persoalan kewujudan Allah Taala dan hubungannya dengan kewujudan alam ini di alam Melayu. Tiga aliran itu ialah aliran Wahdatul Wujud yang banyak dipegang oleh golongan ahli falsafah dan tasawuf-falsafah, Ithnaniatul Wujud yang juga dikenali sebagai aliran Al-Asya'irab dan Al-Maturidiyah dan akhir sekali ialah aliran Salaf.

Kertas ini juga menyingkap bagaimana kedatangan aliran Wahdatul Wujud ke alam Melayu, tokob-tokohnya dan kitab-kitab mereka.

Kertas ini disertakan dalam buku ini untuk memberi kesahaman yang lebih jelas akan konsep Wahdatul Wujud yang banyak terdapat dalam pelbagai ajaran yang menyeleweng.

Secara umumnya pemikiran falsafah tauhid di alam Melayu dapat dibahagi kepada tiga- i'tiqad Wahdatul Wujud, i'tiqad Salaf dan i'tiqad Mutakallimin.

ITIQAD WAHDATUL WUJUD

Dalam pemikiran ini, pada asasnya menerima hakikat bahawa hakikat wujud hanyalah Allah semata. Dia adalah segala-segalanya (*He is everything*). Selain daripada Allah pada lahirnya wujud, tetapi pada hakikatnya tiada wujud, kerana semuanya itu bayangan bagi limpahan tajalli kewujudan Allah semata. Tajalli Allah itu berlapis-lapis dan kesemuanya ada tujuh lapisan atau tujuh martabat. Namun demikian walaupun tujuh martabat tetapi pada hakikatnya hanya satu yang digelar sebagai Wahdatul Wujud.

Fahaman i'tiqad seperti ini banyak dikupas dalam kitab-kitab Tasawuf seperti karya Hamzah Fansuri, Syamsudin Sumatrani, Abdul Samad Al-Falimbani, Mohamed Nafis Al-Banjari dan di kalangan cendikiawan Iran, Sayyed Hossein Nasr.

Dari segi asal-usul, ajaran Martabat Tujuh berkait rapat dengan Teori Penjelmaan (*Tajalli*) menurut Ibn Arabi. Bagi Ibn Arabi, Allah sebagai wujud yang mutlak menjelma (*Tajalli*) atau turun (*Tanazul*) melalui lima tahap atau martabat, iaitu¹ :

1. Al-Wahidiyyah
2. Al-Asma' wal Sifat
3. Al-A'ayan Ats-Tsabitah
4. Al-A'ayan Al-Kharijiyyah
5. 'Alam Asy-Syahadah

Kemudian fahaman ini diolah semula oleh Abd Karim Al-Jili yang membahagikan pula kepada empat puluh, dan kemudian apabila

¹ Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alám Semesta Dalam Sejarah Tauhid Melayu*, ms 35 - 36. Lihat juga Syed Mohamad Naqib Al-Attas, *Islam Secularism and the Philosophy of the Future*, London, Mansell Publishing, 1985, ms. 217, Dr Muhammad Abdul Haq Ansari, *Sufism & Syari'ah*, London, The Islamic Foundation, 1986, ms 103, Dr. Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin Ar-Raniry*, Jakarta, CV Rajawali, 1983, ms 74 - 76 dan S.A.Q Husaini, *The Pantheistic Monism of Ibn Al-Arabi*, Lahore, Sh. Muhammad Ashraf, 1979, ms 58 - 59.



sampai kepada Muhammad ibn Fadhlullah Al-Burhanpuri (w. 620), beliau menyusun sistem Tajallinya menjadi tujuh martabat berikut²:

1. Martabat *Ahadiyyah*, atau dinamakan peringkat *La-Ta'yun* (belum nyata lagi ketuhanannya)
2. Martabat *Wahdah*, atau dinamakan juga peringkat *Ta'yun Awwal* (kenyataan pertama). Juga di sebut Hakikat Muhammadiyah atau Nur Muhammad yang menjadi sebab terjadinya segala maujud.
3. Martabat *Wahidiyah*, atau peringkat *Ta'yun Thani*, yakni kenyataan kedua, atau disebut juga peringkat *A'yan Thabitah* atau realiti yang masih tetap dan terpendam.
4. Martabat *Alam Arwah*, dimana *A'yan Thabitah* itu menjadi *A'yan Kharijah*, yakni sudah keluar dan nyata.
5. Martabat *Alam Mithal*.
6. Martabat *Alam Ajsam*.
7. Martabat *Alam Insan*.

Kemuncak dalam fahaman ini, segala-gala yang ada didunia ini, pada hakikatnya adalah tiada, iaitu *fana'* atau lebur, begitu juga tindakan manusia pada hakikatnya adalah dilakukan oleh Allah, kerana manusia juga *fana'* dan bersatu dengan Allah. Persoalannya jika demikian, kepada siapakah diletakkan hukum taklifi dan nilai moral, dan bagaimana pula dengan hukum balasan Allah dan soalan Yaumul Hisab. Bukankah itu semua atas apa yang zahir di dunia ini?

² Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Taubid Melayu*, ms 36 - 37. Lihat juga A.H Johns, *The Gift Addressed to the Spirit of the Prophet*, Can berre, The Australian National University, 1965.

ITIQAD ITHNANIATUL WUJUD


I'tiqad Mutakallimin³

Kelahiran aliran *Al-Ashari'ah* dan *Al-Maturidiyah* dalam *Ilmu Kalam*, khususnya dalam masalah sifat, merupakan satu usaha daripada tokoh-tokoh ulama untuk mencari satu jalan tengah daripada pertentangan pendapat yang berlaku pada masa itu, iaitu antara golongan *Sifatiyah* yang keterlaluan dalam mengisbatkan sifat Allah hingga sampai menyerupakan Allah dengan makhluk (*Mushabbibah*) di satu pihak dan golongan *Mu'atillah*, iaitu golongan yang menafikan sifat Allah, yang terdiri daripada golongan Muktazilah dan yang sependapat dengannya.

Pelopor bagi i'tiqad ini adalah Imam Abu Al-Hassan Al-Ash'ari (260 - 360 H) dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi (333 H). Aliran ini timbul bermula dari ketidak setujuan Imam Al-Asha'ari dengan gurunya Abu Ali Al-Jubba'i, seorang tokoh Muktazilah. Beliau menolak pendapat yang dikemukakan oleh aliran Jahmiyyah dan Muktazilah yang menafikan sifat-sifat Allah dengan berpandukan ayat-ayat Al-Quran. Dengan menggunakan kaedah qias, iaitu wujud yang dapat dilihat dengan wujud yang tidak dapat dilihat, umpamanya wujudnya alam nyata ini, semestinya menunjukkan pencipta alam, yang bersifat *Qadir*, *Alim* dan *Murid*. Beliau juga berpendapat bahawa nama-nama Allah adalah menunjukkan sifat-sifat-Nya.

Mengenai hakikat wujud alam, pada dasarnya mereka sependapat dengan i'tiqad Salafi bahawa hakikat kewujudan ada dua, wujudnya Allah dan wujudnya selain Allah. Maka i'tiqad dua wujud ini, digelar dengan *Ithnaniyatul Wujud*, yang bertentangan dengan fahaman *Wahdatul Wujud*, sebagaimana di atas.

³ Lihat K.H Sirajuddin Abbas, *I'tiqad Ahlus Sunnah Wal-jemaah*, Pustaka Aman Press, 1987, ms 30 - 35.



I'iqad Salaf⁴

Perkataan "Salaf" biasanya ditujukan kepada generasi terawal (*preceding generation*) umat Islam, yang terdiri daripada Sahabat, Tabiin dan para imam pembela kebenaran serta pengikut sahabat. Sebagai generasi pertama umat Islam yang paling hampir dan malah hidup bersama-sama dengan sumber Al-Quran dan As-Sunnah, maka ciri utama golongan ini ialah ketaatan yang bulat dan tidak berbelah bagi kepada kedua-dua sumber ini. Adapun pemikiran atau pendapat daripada sumber-sumber yang lain, baik yang berasal daripada tradisi ataupun daripada pengaruh asing, semuanya itu ditapis dahulu dengan neraca Al-Quran dan As-Sunnah sebelum ia diterima ataupun ditolak.

Ibarat kata Dr Muhammad Yusuff Al-Qardawi, sebaik-baiknya kita menurut kaum Salaf saja, dalam masalah keTuhanan, iaitu menerangkan sifat-sifatNya menurut keterangan Allah sendiri, tanpa mengada-ada, menambah atau mengurang.

Dalam bentuknya yang tegas, *Aqidah Salafiyah* menekankan kepercayaan kepada keesaan Allah baik dari segi *Rububiyah* maupun *Uluhiyah*. Mempercayai Allah sahaja sebagai Pencipta dan Penguasa yang sebenarnya bagi seluruh alam semesta ini dan tentang tauhid *Uluhiyah* atau *Ubudiyah*, maksudnya ialah beribadah atau menyembah Allah s.w.t, semata-mata, tanpa menyentuhkannya dengan yang lain. Sebarang penyengutuan terhadapnya dianggap syirik, yang merupakan dosa yang tidak diampunkan sama sekali.

Bertolak dari di atas, maka semua bentuk kepercayaan kepada kuasa-kuasa yang bercorak animisme seperti hantu, semangat dan lain-lain adalah syirik dan menyeleweng. Kemudian dari segi tauhid *Rububiyah*, maka doktrin *Wahdatul Wujud*, dan implikasinya mengenai konsep emanasi yang menafikan penciptaan dari ketiadaan adalah menyeleweng, dan disebut sebagai *Syirik Ta'thil*, iaitu menidakkann Allah sebagai Tuhan *Rabbul 'Alamin*.

⁴ Lihat Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Tauhid Melayu*, ms 112 - 130.

Mengenai hakikat wujud, ia serupa dengan i'tiqad *Abli Kalam*, bahawa ada dua hakikat wujud yang berbeza; hakikat Allah, sebagai pencipta yang tanzih (transcendent) dan segala-galanya yang selain dari Allah.

Aqidah *Salaf* menetapkan apa yang di *itsbatkan* oleh Allah untuk dirinya atau apa yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w, tanpa *tamtsil* (mempersamakan dengan makhluk), dan tanpa *takyif* (mempertanyakan bagaimana sifat Allah). Juga menafikan (apa yang ditolak oleh Allah daripada dirinya dan yang ditolak oleh Rasulullah), tanpa *tabrif* (mengubah lafadz atau menyelewangkan makna sifat Allah) dan tanpa *ta'bil* (mengingkari seluruh atau sebahagian sifatnya), kerana Allah s.w.t berfirman

لَنْ يَكُنْ كَمِثْلُهُ شَيْءٌ وَّهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

"Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia Maha mendengar lagi Maha Melihat (As-Syua'ra': 11)

PERTENTANGAN ANTARA GOLONGAN YANG PRO-DOKTRIN WAHDATUL WUJUD - (MARTABAT TUJUH) DAN ITHNANIATUL WUJUD

Dari segi sejarah, kerajaan Muslim pertama di Alam Melayu ialah sebuah kerajaan Syiah, yang ditubuhkan di Perlak, Sumatera, pada tahun 840M. Demikian juga dari segi alirannya, pengaruh Syiah adalah lebih menonjol⁵.

Menurut Professor Sayyed Hossein Nasr, orang-orang Parsi telah mengintegrasikan berbagai unsur dari masa lampau sejarah mereka sebelum Islam datang, ke dalam perspektif universal Islam. Menurut beliau selanjutnya, Farsi adalah satu negeri di mana Sufisme, dimensi Islam yang esoterik dan mistik, berkembang dengan pesat dan

⁵ Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Taubid Melayu*, ms 44. Lihat A. Hasjmy, *Syi'ab dan Abussunnah Saling Rebut Kekuasaan Sejak Awal Islam di Kepulauan Nusantara*, Surabaya, PT Bina Ilmu, 1983 dan N.A Baloch, *Advent of Islam in Indonesia*, Islamabad, Institute of Culture, 1980, ms 17.



mengagumkan. Semangat *Sufisme* telah meninggalkan bekas yang tidak dapat dihilangkan di dalam berbagai segi kehidupan orang Parsi, iaitu doktrin *Cabaya Yang Qadim* yang berasaskan ajaran Parsi Kuno dan *Zoroastrianisme*. Dengan kedatangan pengaruh Islam, doktrin inilah yang disebut sebagai cahaya Nur Muhammad. Sayyid Sabiq dalam bukunya *Aqidah Islam*, menyatakan kepercayaan ini bertentangan dengan *i'tiqad* Sunni, kerana doktrin Nur Muhammad itu merupakan ajaran yang berdasarkan hadits-hadits palsu dan dha'i⁶.

Doktrin Syiah ini mula bertapak di Pasai pada tahun 1177, dengan kedatangan Syeikh Abdullah Ariff dari Tanah Arab dan Abdul Khair ibn Hajar. Mereka berdua telah menyebarluaskan doktrin tersebut melalui kitabnya *Babr Al-Lubut* dan *Saif Al-Qati*, yang sarat dengan kefahaman *Wahdatul Wujud* dan hakikat Nur Muhammad. Fahaman ini hampir sama dengan fahaman *panttheisme* (serba dewa) dalam doktrin Hindu dan Buddha.

Selepas itu muncul pula di kalangan tokoh-tokoh tempatan, Hamzah Fansuri dan muridnya Shamsudin As-Sumatrani. Kecenderungan kepada fahaman sedemikian, telah dikupas dengan detail dalam karya, *Nur Al-Haqaiq* (Cahaya Hakikat), atau *Anwar Ad-Daqaiq Fi Kasyf Al-Haqaiq* (Cahaya-Cahaya Yang Seni Pada Menyatakan Pembukaan Hakikat).

Pada zaman mereka berdualah maka tampil dua ulama terkemuka Syeikh Nuruddin Ar-Raniry dan Syeikh Abdur Rauf Syiah Kuala, yang menentang hebat doktrin *Wahdatul Wujud*. Kedua-dua Syeikh tersebut menolak fahaman *Wahdatul Wujud* dan mengemukankan doktrin *Wahdatul Syubud*, bererti kesaksian bahawa adanya alam Qadim ini, kerana adanya Allah semesta.

Almarhum Prof Dr A Hasmy, seorang ulama Aceh, berkata bahawa *Wahdatul Wujud* sebagai ajaran tentang falsafat, ketuhanan memang

⁶ Lihat Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Taubid Melayu*, ms 44 - 45. Lihat juga Seyyed Hossein Nasr, *Islam dan Nestapa Manusia Modern*, Bandung, Penerbit, Pustaka, 1983, ms 162 - 168 dan Duncan Greenless (ed), *The Gospel of Zarathustra*, Madras, The Theosophical Publishing House, 1978, 69 - 70.

sukar difahami oleh orang awam, dan ia seharusnya menjadi khusus untuk mereka yang berilmu luas.

Dalam zaman Syeikh Hamzah dan Shamsuddin masih hidup, ia masih murni dan terkawal di atas garisnya tersendiri, tetapi hanya setelah wafat kedua mereka, maka fahamnya mula di selewengkan oleh para pengikut. Kekalutan yang berlaku semakin lama semakin jauh menyimpang, berubah menjadi kumpulan tarikat yang sesat yang dalam masyarakat Aceh disebut 'Salik Buta' atau pengembara buta. Tidak mustahil dalam masa itu, kefahaman kebatinan kejawen mula meresap dan bercampur sebati.

Selepas abad Aceh, fahaman sedemikian berkembang melalui peranan ulama Palembang, Banjar, Pattani dan lain-lain. Antara tokoh yang terkemuka memperkuuhkan doktrin ajaran *Tajalli* (emanasi), Nur Muhammad dan Martabat Tujuh adalah Muhammad Nafis Al-Banjari, melalui kitabnya *Ad-Durr An-Nafis*. Seterusnya pengaruh ini oleh seorang tokoh Tasawuf Sunni, Abdul Samad Al-Falimbani. Beliau berasal dari Palembang dan menetap di Hijaz, dan terkemuka di Alam Melayu melalui kitabnya *Siyar As-Salikin* dan *Hidayatul Salikin*. Walaupun ia berdasarkan kepada karya Imam Al-Ghazali, tetapi ia masih tidak dapat melepaskan dirinya dari kekalutan fahaman *Wabdatus Wujud*⁷.

Sebenarnya banyak lagi kitab-kitab lama yang membicarakan perkara yang sukar dan perkara yang ghaib, seperti *Kasyf Al-Asrar*, *Al-Insanul Kamil*, *Al-Futuhat Al-Makkiyah* dan *Rahasia Mutiara*, yang mana jika tidak diawasi dan dipelajari melalui guru yang diakui ilmunya, maka akan terjadi kekeliruan dalam penafsiran.

Permasalahannya dalam Tasawuf adalah, perbicaraan mengenai kefahaman aqidahnya bertolak dari rasa *dzaaq* (perasaan mendalam atau pengalaman segera) bertentangan dengan ulama Usuluddin ia adalah sesuatu yang mesti dilafazkan dengan kezahiran yang jelas, tanpa ada *tasyibb* dan *takwil*. Mereka mengistilahkan tauhid mereka

⁷ Lihat Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Taubid Melayu*, ms 53.



sebagai *Taubid Al-Khassab*. Dalam hal ini Imam Al-Ghazali menyimpulkan bahawa kaum Sufi banyak menggunakan *qalb* (hati) dan sedikit akal. Jadi bagi mereka Tauhid adalah suatu penghayatan yang alami dan bukan suatu konsep yang tanggapi.

Namun demikian, dalam masalah kefahaman Wahdatul Wujud di atas, seorang ulama Sufi dan Mujaddid dari India, Syeikh Ahmad Sirhindi, menyatakan:

“bahawa para Rasul tidak pernah menganjurkan *Wahdatul Wujud* (kesatuan zat), malah apa yang dianjurkan adalah *Wahdatul Al-Ma’bud* (kesatuan Tuhan); dan tidak pernah ada kebenaran Wahdatul Wujud di dalam Al-Quran dan Sunnah.”

Seterusnya beliau menyanggah dengan berkata:

“Wahdatul Wujud merupakan perkembangan baru dalam sejarah Sufisme. Kerana tidak ada seorang pun sebelum Ibn Arabi membicarakan hal tersebut. Tauhid yang biasa dibicarakan selama dua ratus tahun sebelum Ibnu Arabi sebenarnya adalah *taubid syubudi* dan bukan *taubid wujudi*.”

the first time, the author has been able to study the effect of the different factors on the growth of the plant. The results obtained from the present investigation are summarized in Table I.

The results show that the growth of the plant is influenced by the amount of water supplied to the plants. The plants receiving 100 ml. of water per day showed maximum growth, while those receiving 50 ml. showed minimum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of fertilizer supplied to the plants. The plants receiving 100 mg. of fertilizer per day showed maximum growth, while those receiving 50 mg. showed minimum growth. The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of light supplied to the plants. The plants receiving 1000 lux showed maximum growth, while those receiving 500 lux showed minimum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of temperature supplied to the plants. The plants receiving 25°C. showed maximum growth, while those receiving 15°C. showed minimum growth. The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of humidity supplied to the plants. The plants receiving 80% humidity showed maximum growth, while those receiving 60% humidity showed minimum growth. The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of carbon dioxide supplied to the plants. The plants receiving 1000 ppm. of carbon dioxide showed maximum growth, while those receiving 500 ppm. showed minimum growth.

The results also show that the growth of the plant is influenced by the amount of oxygen supplied to the plants.



PENYELEWENGAN BATINIAH: INDUK AJARAN SESAT

Artikel ini dipetik dari buku *Pengantar Ilmu Tarbid* oleh Abdul Latif b. Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin., terbitan Pustaka Salam, 1998, ms 357 - 372, 442 - 453. Artikel ini telah disunting serba sedikit oleh penyusun buku ini.

Pengenalan

Artikel ini membincangkan mengenai satu aliran keagamaan yang mendakwa sebagai sebahagian dari Islam iaitu aliran Batiniyah. Artikel menjelaskan secara ringkas sejarah kemunculan Batiniyah dan ajaran-ajaran utamanya. Artikel ini kemudian memberi penjelasan aspek-aspek penyelewengan ajaran-ajaran Batiniyah berserta pandangan ulama' terhadapnya.

Tujuan artikel ini disertakan dalam buku ini ialah kerana ajaran-ajaran utama Batiniyah mempunyai banyak persamaan dengan pelbagai ajaran yang terdapat dalam ajaran-ajaran sesat yang ditemui hari ini seperti ajaran berpegang pada makna batin, buraian-buraian yang berdasarkan kiraan angka, berabsia dalam beramal, taqlid buta kepada Imam atau guru ajaran emanasi yang menjadi asas pada konsep *Wabdatul Wujud* dan *Martabat Tujuh*.

Ini menunjukkan kewujudan pengaruh dan kaitan yang langsung antara ajaran Batiniyah dengan ajaran-ajaran sesat yang ada hari ini seperti Taslim dan ajaran Muhammad Matahari. Ini juga menunjukkan kebenaran pandangan bahawa Batiniyah adalah punca bagi ajaran-ajaran sesat hari ini. Sekiranya Batiniyah ini telah dibukumkan sebagai sesat dan terkeluar dari Islam maka ajaran-ajaran lain yang mempunyai kesamaan dengannya juga mengambil hukum yang sama - sesat dan terkeluar dari Islam.

PENDAHULUAN

Ada bermacam-macam ajaran sesat di muka bumi ini, antaranya ialah ajaran Batiniah. Namun antara ajaran-ajaran sesat itu ada persamaan dan ada perbezaan. Perbezaan ketara dalam ajaran Batiniah berbanding ajaran sesat lain ialah empat sifat:

- a) Mencaci ulama dan fuqaha' Islam dengan tujuan menolak kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Untuk itu, penganut ajaran sesat itu mencaci dan cuba menjatuhkan maruah dan nama baik alim ulama dan fuqaha' Islam dengan menuduh mereka menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar untuk kepentingan hidup atau kemewahan mereka. Untuk itu mereka mengatakan ulama dulu dan sekarang penipu, tamak dan pentingkan diri.

Apa yang jelas, sebenarnya tujuan asal mereka membuat caciap terhadap ulama' itu ialah untuk menolak kerasulan Muhammad.

Sememangnya kerasulan Nabi itu hanya membawa ajaran dan hukum taklif syariat zahir sahaja, manakala yang batin itu tidak siapa yang tahu, hakikatnya Allah sahaja yang tahu .

- b) Islam Zahir dan Batin.

Menurut ajaran ini, Al-Quran, sembahyang, haji dan lainnya mempunyai pengertian zahir syariat dan batin atau isi. Untuk itu, mereka mendakwa bahawa ulama selain penganut ajaran Batiniah dikatakan sebagai ulama syariat atau ulama kulit sahaja. Untuk itu mereka mendakwa bahawa merekalah yang sebenar-benarnya mengenali isi atau hakikat. Untuk itu apabila telah mendapat hakikat atau isi, maka kulit atau syariat itu tidak bernilai lagi.

- c) Bermuka dua.

Penganut ajaran ini mengira syariat ialah kulit dan hakikat ialah isi. Untuk itu, mereka menolak segala bentuk zahir syariat, kerana menganggap kulitnya sebagai yang tidak berguna. Justeru itu,



walaupun isi dikerjakan seperti berkahwin di hadapan Qadi, itu adalah sebagai adat dan supaya menjaga dari melanggar undang-undang sahaja. Justera itulah selepas itu mereka akan akad nikah cara mereka sekali lagi.

d) Gerakan Rahsia.

Apa yang anehnya, walaupun mereka mengatakan semua ulama menyembunyikan hakikat yang sebenar dan mengatakan ilmu atau isi hakikat yang sebenarnya ada pada mereka, namun mereka tidak berani berterus terang atau muncul secara terbuka untuk mendakwah ajaran mereka. Sebaliknya mereka beribadat atau berdakwah secara sulit dan rahsia dan bergerak dalam keadaan rahsia juga. Ada setengahnya pula bersumpah dihadapan guru mereka tidak akan membuka rahsia ajaran mereka itu.

PENGERTIAN BATINIAH

Batiniah berasal daripada perkataan Al-Batin, iaitu dalaman atau lawan kepada zahir atau luaran. Dalam konteks lain, Batiniah ialah mereka atau orang yang menganggap bahawa setiap yang lahir atau zahir itu mempunyai dalamannya atau isinya dan setiap wahyu itu pula ada takwilnya.

Keadaan lain lagi, istilah Batiniah dikenali dalam Tasawuf, yang mana ilmu Tasawuf membahaskan tentang perkara batin. Iaitu mengajar dan mendidik seseorang itu memperbaiki batin atau hatinya. Oleh itu Tasawuf itu sering dikaitkan dengan ilmu batin. Namun begitu, tidak semestinya ahli tasawuf atau sufi itu meninggalkan terus perkara yang berkaitan dengan zahir atau lahir. Namun bagi mereka pendirian hati dan batin itu lebih penting, di mana segala perbuatan zahir dan praktikal itu berbentuk hasil pendidikan hati dan batin seseorang.

SEJARAH BATINIAH

Asalnya pengikut atau pengikut ajaran Batiniah adalah daripada pengikut mazhab *Ismailiyah*, *Al-Qaramitah* dan *Al-Kburamiyah*.

Menurut pendapat puak Syiah, Al-Batin itulah wahyu yang diterima oleh Nabi Muhammad. Antara lain, juga mereka berpendapat di mana setiap nabi itu ada *wasi* (penerima wasiat), iaitu orang yang melaksanakan wahyu itu atau mentakwilkan wahyu itu. *Wasi* Nabi Muhammad ataupun orang yang mentakwilkan wahyu yang diterima oleh Nabi ialah Ali bin Abi Talib.

Gerakan dan fahaman Batiniah ini menurut sejarahnya diasaskan dan dipelopori oleh golongan agama Parsi atau agama Majusi yang merasa iri hati dengan tersebarnya ajaran Islam dan pengaruh Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad dan orang-orang Islam selepasnya, yang merebak ke seluruh pelusuk negeri dan negara. Pengikut dan penyebar mereka dan majoriti penyebar ajaran dan fahaman Batiniah ini terdiri daripada pendokong dan pengikut fahaman Syiah yang juga merebak secara meluas di Iran. Selain daripada fahaman Batiniah itu dipelopori dan disebarluaskan oleh golongan pengikut fahaman Syiah yang melampau dan menyeleweng, mereka juga terdiri daripada penganut agama penyembah berhala dan agama yang menyembah api atau ajaran agama Majusi yang juga berpusat di Iran.

Gerakan dan fahaman Batiniah mengikut sejarahnya bermula pada masa atau zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah yang bermula pada masa pemerintahan Al-Ma'mun. Seterusnya gerakan dan fahaman Batiniah itu terus menular dan merebak dalam masa pemerintahan Al-Mu'tasim yang dipelopori oleh orang Majusi yang mana pada awalnya mereka mengambil pengaruh daripada pemikiran falsafah. Menurut mereka Nabi Muhammad itu bukanlah Nabi atau Rasul yang membawa ajaran sebenar, tetapi hanyalah seorang Arab yang tidak mempunyai pengetahuan dan tamaddun.

Kegiatan agama ini kemudian melantik seorang munafik bernama Abdullah Bin Maimun sebagai ketua untuk menyebar ajaran mereka. Dia berpura-pura menjadi ahli sufi yang warak dan bergaul dengan orang Islam dan apabila bersama Ahli Sunnah dia berpura-pura kuat beribadat. Apabila bergaul dengan puak Syiah dia berpura-pura menjadi Syiah yang sangat mendewa-dewakan Ali. Akhirnya ajaran Batiniah tersebar terutama dalam puak Syiah, kerana dasarnya



ada persamaan antara keduanya terutama dalam membuat takwilan. Sekarang ini ajaran ini jelas bertapak di kalangan puak Duruz di Lubnan, Syria, Afrika Timur dan juga Asia dan lain-lainnya. Ia sebenarnya bukan sahaja bergiat dalam aqidah, tetapi juga dalam politik, khasnya pada masa pemerintahan Abbasiyyah.

Fahaman Batiniah dan gerakan Batiniah yang asalnya berpusat di Iran itu cuba dan ingin mempengaruhi umat Islam, seterusnya merosakkan dan menghancurkan agama Islam yang tersebar ke seluruh pelusuk daerah dan negara secara halus dan bukan dengan cara peperangan atau paksaan atau kekerasan sebagaimana yang dilakukan oleh agama Yahudi terhadap Islam. Untuk itu fahaman dan penyebaran ajaran Batiniah itu cuba masuk ke dalam fahaman agama dan aqidah umat Islam secara halus dan lembut. Antara lain juga kumpulan Batiniah itu cuba memesongkan umat Islam dan aqidah umat Islam dengan cara tipu daya dan membuat tipu helah dalam berbagai bentuk.

AJARAN BATINIAH

Golongan dan fahaman Batiniah atau *Ta'limiyah* ini secara jelas dan terang-terangan memusuhi Islam, Nabi Muhammad dan sesiapa sahaja yang menyokong dan mengikut atau menyebar agama Islam yang terdiri daripada pendakwah Islam, ulama dan umat Islam seluruhnya. Antara lain juga Batiniah ini membenci dan memusuhi 'ulama' dan pengikut fahaman Ahli Sunnah. Untuk mengecam dan menentang ulama Islam yang lurus dan jujur itu, fahaman Batiniah itu cuba menyebarkan dan merusakkan umat Islam dan aqidah umat Islam yang murni itu dengan menyusun dan menulis berbagai buku. Antara lain juga mereka menafsirkan hadits dan Al-Quran mengikut akal dan hawa nafsu mereka semata-mata. Mereka banyak mentakwilkan Al-Quran dan nas mengikut akal mereka dan mentakwil secara tidak betul untuk menyokong fahaman yang mereka bawa.

Golongan Batiniah menafsirkan Al-Quran dan hadits mengikut landasan yang dibuat oleh golongan mereka sahaja. Untuk itu, tidak hairanlah jika mereka menolak kitab tafsir yang dibuat oleh ulama

Islam dari kalangan Ahli Sunnah kerana mereka hanya menerima penafsiran yang mengikut kaedah mereka sahaja.

Golongan Batiniah banyak juga melakukan ijtihad bukan berdasarkan ilmu dan landasan yang benar. Mereka berijtihad berdasarkan hawa nafsu dan selera mereka sahaja. Banyak ijtihad yang mereka keluarkan dan lakukan bercanggah sama sekali dengan ijtihad ulama Islam yang jujur dan terkemuka.

Sebagai rumusannya, ajaran dan fahaman Batiniah itu adalah asalnya bersumberkan ajaran Majusi, Syiah, juga Kristian dan Yahudi. Mereka membawa fahaman dan ajaran sesat, aqidah yang jelas menyeleweng dan salah daripada landasan aqidah Islam yang benar.

CONTOH ASPEK-ASPEK PENYELEWENGAN BATINIAH

Penyelewengan aqidah dalam fahaman Batiniah menurut pendapat Imam Al-Ghazali dapat dijelaskan dalam skop sebagaimana berikut, iaitu:

1. Aspek Ketuhanan

Mereka mengatakan dan mempercayai ada dua Tuhan yang Qadim tanpa di dahului oleh zaman. Namun Tuhan pertama dinamakan dengan *As-Sabiq* (السابق), Yang Dahulu, dan ia menjadi Ilah atau Tuhan pula untuk menjadikan Tuhan kedua itu, yang dinamakan *At-Tali* (الثالثي), Yang Mengiringi. *As-Sabiq*lah yang mejadikan alam ini dengan perantaraan *At-Tali*. Kedua-duanya bergabung dan berpaktat untuk menjadikan dan mewujudkan alam itu ataupun *As-Sabiq* itu memohon pertolongan dengan perantaraan Tuhan *At-Tali* untuk menjadikan seluruh alam ini.

Tuhan pertama itu atau *As-Sabiq* tadi tidak boleh disifatkan dengan sebarang sifat, tidak boleh disifatkan dengan wujud atau '*adam* (tiada), tidak boleh dinafikan atau diisbatkan dan tidak bernama dengan sebarang nama. Mengikut fahaman Batiniah, Tuhan *As-Sabiq* dan Tuhan *At-Tali* itu tidak boleh disifatkan dengan sebarang sifat yang

sama pada makhluk.

2. Konsep Alam

Batiniah mengatakan alam ini adalah Qadim. Mereka berpendapat demikian kerana daripada *As-Sabiq* iah lahir *At-Tali*. Pencipta pertamalah juga yang menjadikan atau melahirkan nafsu atau jiwa keseluruhan yang mana bahagian daripada keseluruhan itu terletak dalam benda yang bersusunan. Daripada gerakan nafsu ini lahirlah panas dan daripada diam nafsu ini lahirlah sejuk. Seterusnya hasil daripada panas dan sejuk, maka terjadinya pula lembab dan kering. Maka seterusnya hasil unsur yang empat inilah terbentuknya: Tanah, Air, Api, dan Angin dan daripada empat unsur tersebut juga terbentuknya: Galian, Tumbuhan, Haiwan dan Insan.

3. Konsep Kenabian

I'tiqad Batiniah tentang nabi adalah hampir sama dengan pendapat ahli Falsafah. Di mana mereka mengatakan nabi itu ialah seorang yang dianugerah oleh *As-Sabiq* melalui *At-Tali* yang merupakan suatu daya suci yang bersedia dan boleh diukir apabila ia berhubung dengan Nafsu *Al-Kulliyah* yang memang mempunyai atau ada hubungan dengan Juziyyat.

Mereka berpendapat bahawa pada setiap zaman itu akan lahir seorang imam maksum yang setaraf dengan nabi dan akan mentakwilkan segala nas atau ayat-ayat yang zahir.

Mereka mengatakan imam itu, samalah dengan orang yang bersih yang dapat melihat dalam mimpi apa yang akan berlaku, berbezanya ialah nabi itu hanya boleh melihat dalam keadaan atau waktu sedar atau jaga dan yang membezakan di antara imam dengan nabi itu ialah ia tidak menerima wahyu dan nabi menerima wahyu.

4. Konsep Kiamat

Golongan Batiniah menurut Al-Ghazali menafikan Hari Kiamat. Alasan mereka ialah Tuhan itu tidak bodoh. Iaitu membuat alam dan dunia ini yang begitu cantik dan teratur kemudian

memusnahkannya. Antara pendapat mereka berkaitan dengan Kiamat ialah mereka mentakwilkan Kiamat itu dengan tanda atau alamat kedatangan atau akan munculnya seorang imam. Mereka juga mengingkari adanya hari yang dijanjikan dan Mahshar, bangkit dari kubur, Syurga dan Neraka dan semua itu mereka takwilkan.

5. Taklif Syara'

Menurut Al-Ghazali, Batiniah juga mengingkari adanya hukum taklif yang lima, iaitu hukum wajib, sunnat, harus, makruh dan haram. Bagi mereka semua itu adalah harus belaka. Menurut mereka, kalaupun mematuhi syara', itupun hendaklah dengan mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh imam bukan dengan mengikut mazhab, seperti Maliki, Syafi'i, Hanbali atau Hanafi. Alasan mereka ialah hanya imam maksum sahaja yang tahu segala yang batin atau isi zahir syara' itu. Justeru itu, apabila ditinjau dari sudut batin itu sendiri, maka tiadalah ikatan taklif.

CONTOH- CONTOH TAFSIRAN BATINIAH

Di-antara contoh tafsir yang berbentuk tafsiran Batiniah ialah:

1. Tafsiran terhadap firman Allah s.w.t:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا أَرْكَوْهُ وَأَزْكَعُوهُ مَعَ الزَّكِيرِينَ

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkan zakat." (Al-Baqarah : 43)

Berdasarkan ayat tersebut, zakat wajib dikeluarkan sekali setahun sahaja, maka oleh itu sembahyang pun wajib dikerjakan sekali setahun sahaja juga. Untuk itu sesiapa yang mengerjakan sembahyang sekali sahaja dalam masa setahun, maka sudah memadai dan tidak perlu ulangi lagi.

2. Tafsiran terhadap firman Allah yang lain pula, mereka mengatakan sembahyang dan zakat itu ada zahir dan ada batin, begitu juga dengan puasa dan haji.

Hal itu mereka berhujah dengan berdasarkan firman Allah s.w.t:

وَذَرُوا أَذْهَرَ الْأَثْمِ وَبَاطِنَةً

"Dan tinggalkanlah dosa yang nyata dan yang tersembunyi." (Al-An'am : 120)

Sebenarnya, maksud ayat tersebut dosa zahir ialah perbuatan anggota badan dan dosa batin ialah apa yang terbukti di hati. Ertinya, tubuh badan dan hati kita hendaklah patuh kepada segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

3. Tiap-tiap sesuatu yang Allah jadikan ada yang zahir atau nyata, dan ada yang batin atau tersembunyi. Yang zahir itu semua orang tahu, tetapi yang batin itu hanya sedikit sahaja orang yang tahu. Kerana itulah Allah s.w.t berfirman antaranya ialah:

وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِي أَشْكُورُ

"Dan sememangnya sedikit sekali di antara bamba-bamba-Ku yang bersyukur." (Saba' : 13)

4. Mereka mengatakan arak dan judi itu sebenarnya tidak haram.

Allah mengharamkannya kepada Abu Bakar dan Umar sahaja kerana mereka berdua enggan melantik Ali sebagai khalifah. Arak itu juga sebenarnya tidak haram kerana ia berasal daripada buah anggur dan gandum yang tumbuh di bumi. Setiap benda yang tumbuh di bumi tidak haram, malahan halal sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَكُلُوا وَاشْرِبُوا وَلَا شَرُوهُوا

"Dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau-lampau." (Al-A`raf : 31)

Tafsiran dan fahaman ini juga salah, kerana pengharaman arak itu sebenarnya untuk semua dan ia berlaku sebelum Nabi wafat lagi serta penurunan Al-Quran itu terhenti selepas kewafatan Nabi, untuk itu ia juga bererti tidak akan berlaku nasakh lagi selepas itu. Itu semua adalah takwilan menurut hawa nafsu mereka sahaja.

5. Mereka mengatakan puasa itu adalah menyembunyikan rahsia dan kalau sesiapa yang menyaksikan ajaran ini tersebar maka hendaklah dirahsiakan atau disembunyikan.

Ertinya, merahsiakan ajaran ini dan imam serta guru yang mengajar ajaran Batiniah ketika mereka tiada. Mereka mentakwilkan firman Allah s.w.t:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الْأَشْرَفَ فَلَيَصُمِّمْ

"Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadban (atau mengetabui-nya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu." (Al-Baqarah : 185)

6. Selain daripada itu mereka mentakwilkan firman Allah:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا طَهُرُوا

"Dan jika kamu junub (berbadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib." (Al-Mai'dah : 6)

Ayat tersebut ditafsirkan sebagaimana berikut ; iaitu sekiranya kamu sekalian tidak tahu mengenai ilmu Batin, maka hendaklah kamu mempelajari. Maka ketahuilah bahawa ilmu Batin itu menghidupkan jiwa, sebagaimana air menghidupkan badan.

7. Mereka mentakwilkan firman Allah:


قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ

"Katakanlah (wabai Muhammad): Siapakah yang (berani) mengbarlamkan perbiasan Allah yang telah dikelurkan untuk hamba-hamba-Nya." (Al-A'raf : 32)

Mereka telah mentakwilkan maksud Zinah (زِينَةٌ) ataupun perhiasan. Yang dimaksudkan di sini oleh ajaran Batiniah ialah benda yang tidak boleh dilihat oleh mata orang ramai. Itulah rahsia perempuan yang hanya diketahui oleh orang yang tertentu sahaja. Semua itu adalah takwilan yang palsu dan menyeleweng.

8. Batiniah juga telah membuat takwilan terhadap bilangan dan susunan huruf.

Iaitu setiap benda yang berbilang dan setiap huruf yang tersusun, bagi mereka ada erti yang sengaja direka oleh hawa nafsu mereka dan sesuka hati mereka. Contohnya kenapa di kepala manusia ada



tujuh rongga, seperti dua telinga, dua mata, dua lubang hidung dan satu mulut. Jawapannya kerana hari itu ada tujuh, langit ada tujuh dan bintang juga ada tujuh.

Sebenarnya ini adalah salah dan mereka sebenarnya terpengaruh dengan Falsafah Pythagores yang mengatakan alam wujud ini berasal daripada bilangan atau angka, sedangkan Falsafah tersebut juga telah ditolak oleh Aristotle.

g. Batiniah juga telah membuat takwilan zahir syara'.

Dj mana setiap perkara zahir dan batin dan setiap ayat yang diturunkan ada takwilnya. Untuk itu, jelaslah mereka bertujuan menolak syariat Islam, kerana syariat Islam itu dibawa oleh Nabi Muhammad dan yang dibawa itu hanya taklif zahir sahaja.

Bagi mereka setiap zahir syara' dan perkara *Sam'iyyat*, seperti syurga dan neraka hanyalah simbol kepada batin atau isi. Antara contoh syariat yang mereka takwilkan ialah:

- a. Mandi junub. Ertinya segera menerima ajaran penyebar Batiniah apabila sahaja mendengar rahsia sebaran ajaran itu.
- b. Zina. Ertinya membocorkan ilmu batin kepada orang yang belum mengangkat sumpah dan zina atau persetubuhan haram itu sendiri sebenarnya boleh dilakukan.
- c. Neraka dan belenggu. Ertinya kongkongan hukum taklif zahir syara', seperti taklif wajib mengerjakan sembahyang lima waktu adalah belenggu. Sekiranya ditinggalkan sembahyang bererti terlepaslah daripada belenggu dan belenggu itulah neraka dan mereka mengatakan neraka itu bukanlah di akhirat nanti. Untuk itu kita tidak perlu takut kepada neraka atau siksa api neraka kerana mengenal siksa neraka itu membuat kita sentiasa diikat oleh hukum wajib, sunat, haram dan makruh. Maka buangkanlah hukum itu, bererti terlepaslah kita daripada belenggu dan api nereka. Mereka mentakwilkan neraka di sini dengan taklif syara' dan belenggu di sini diertikan dengan bebanan.

10. Al-Safa (الصَّفَا) itu ialah Ali dan Al-Marwah (الْمَرْوَةُ) itu ialah Muhammad.
11. Batiniah juga mengeluarkan fatwa salah dan sengaja menimbulkan isu yang sensitif.

Contohnya sekiranya seseorang yang diceraikan tiga kali oleh suaminya, suami atau mereka berdua boleh kembali hidup bersama semula (tanpa melakukan cina buta), tapi dengan perubahan sedikit. Iaitu mereka dapat kembali semula dengan isteri itu murtad dan selepas itu dia bertaubat. Selepas bertaubat maka bolehlah bekas suami mengahwini semula bekas isterinya itu.

12. Orang yang mati syahid, isteri atau balunya itu tidak boleh berkahwin dengan sesiapa buat selama-lamanya kerana suaminya itu masih hidup.

Hal itu mereka berdasarkan firman Allah s.w.t:

وَلَا تَحْسِبُنَّ الَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَالَهُمْ مُّتَقَبَّلَةٌ أَحَيَّهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ بِرِزْقٍ

"Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." (Ali 'Imran : 169)

13. Fatwa mereka yang lain ialah, sesiapa yang berkahwin di antara dua hari raya, iaitu Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji adalah tidak sah.
14. Mereka mengatakan dan mendakwa Al-Quran dan kefarduan syara' tidak sesuai lagi dan perlu ditukar dengan yang lain.
15. Mereka menegah orang ramai daripada mengikuti ajaran Abu Hanifah, Malik, Sufian Ats-Tsauri serta Hasan Al-Basri, kerana mereka itu adalah kafir.
16. Mereka mengatakan mengerjakan sembahyang itu adalah menyusahkan sahaja dan menghabiskan masa.

Sebagai rumusannya, menurut pendapat yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali di dalam bukunya *Al-Munqidz Min Adb-Dhalal* (المنقذ من الضلال) menjelaskan bahawa Batiniah ini dikenali dengan bermacam-macam nama *Ta'limiyah*, *Bobrah Ismailiyah* dan ia merupakan ajaran sesat.

Al-Ghazali telah menulis beberapa buah kitab untuk menentang ajaran Batiniah ini, iaitu:

- a Al-Qistas Al-Mustaqim
- b Al-Mustazhiri
- c Hujjah Al-Haq
- d Mufassil Al-Khilaf
- e Al-Durj
- f Qawasim Al-Batiniyyah
- g Jawab Al-Masail Al-Arba'a

Menurut Al-Ghazali lagi, Batiniah mula muncul pada abad ke-2 Hijrah, iaitu zaman khalifah Al-Ma'mun. Ia adalah ajaran yang bermula daripada ajaran Majusi. Penyebar atau orang yang memain peranan utama menyebarkan ajaran tersebut ialah Abdullah bin Maimun Al-Qaddah yang pura-pura menjadi seorang Islam, tetapi pengangan sebenarnya ialah agama Yahudi.

Antara lain juga, Ibn Al-'Arabi menolak ajaran Batiniah dan dia menggelarkan Batiniah ini adalah golongan sesat dan menyesatkan. Penjelasan itu dibuat di dalam kitabnya *Futubat Al-Makkiyyah*. Batiniah telah memalingkan semua hukum syariat dan mereka mentakwilkan kepada batin dan tiada hukum zahir syariat.

Seseorang itu dapat mengetahui segala sesuatu melalui Imam yang maksum. Mereka akan bersumpah dengan gurunya, di mana rahsia yang diajarkan itu tidak boleh diberitahu kepada sesiapa. Pada

setiap zaman pasti ada Imam maksum yang berperanan seperti Nabi Muhammad. Imam tersebut tempat rujukan mereka dalam semua hal agama. Untuk itu segala aqidah dan syariat Islam tidak betul, apa yang benar ialah ajaran guru atau Imam mereka sahaja. Hal tersebut kerana Imam itu mempunyai hubungan langsung dengan Tuhan dan Tuhan memberitahu Imam segala ajaran dan rahsianya.

Justeru itu Batiniah adalah ajaran sesat yang bersadurkan unsur Falsafah Pythagores. Semua itu adalah dengan tujuan untuk menipu dan menyesatkan aqidah orang, khasnya umat Islam.

JAWAPAN ULAMA' TERHADAP PENYELEWENGAN BATINIAH

Pendapat ulama terhadap ajaran Batiniah antaranya adalah sebagaimana berikut, iaitu:

- Pendapat Al-Ghazzali
- Pendapat Fakhruddin Al-Razi
- Ulama lain

Persoalan yang dijelaskan berkaitan penyelewengan Batiniah adalah dengan memberi tumpuan terhadap skop sebagaimana berikut, iaitu:

1. Ketuhanan.

Menurut Al-Ghazali, fahaman Batiniah mengatakan ada Tuhan As-Sabiq dan At-Tali, ini jelas salah. Pada hakikatnya Tuhan kedua itu adalah berasal daripada saduran agama Zoraster dari Parsi yang mengatakan ada Tuhan Cahaya dan Tuhan Gelap. Sebenarnya Allah s.w.t itu Esa dan tidak ada sesiapa yang mendahului-Nya dan tidak ada penolong sebagaimana firman Allah s.w.t:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ لَا إِلَهَ مِثْلُهُ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ

"Katakanlah (wabai Muhammad) (Tubanku) ialah Allah yang maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang bantuan. Ia tidak beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang setara dengan-Nya." (Al-Ikhlas : 4-4)

2. Alam

Menurut Al-Ghazali, untuk itu apa yang mereka berpegang berkaitan dengan Qadim alam itu adalah salah dan menyeleweng dalilnya firman Allah s.w.t:

Juga firman Allah s.w.t sebagaimana berikut:

وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Dialah yang Awal dan yang Akhir."(Al-Hadid : 3)

Firman Allah s.w.t yang lain:

وَجَعَلَ فِيهَا وِزْرَكَ فِيهَا وَقْدَرَ فِيهَا أَفْوَاتَهَا فِي أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَاءً لِأَسَابِيلِنَ

"Dan Ia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai bantuan yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka, (semuanya itu berlaku) dalam empat masa." (Fussilat : 40)

Semua itu menjelaskan bahawa alam ini adalah baru dan semua ciptaan itu bukan wajib bagi Allah.

3. Kenabian

Menurut Al-Ghazali, fahaman Batiniah yang berpendapat pada setiap masa atau zaman itu mesti ada seorang Imam yang maksum yang sama tarafnya dengan nabi, cuma tidak diberi atau tidak menerima wahyu, dapat menjelaskan dan mentakwilkan serta menyelesaikan apa dalam Al-Quran dan hadits. Ini jelas bertentangan dengan Al-Quran dan syariat. Di mana rasul sahaja yang bersifat maksum.

4. Kiamat

Menurut Al-Ghazali, pendapat golongan Batiniah yang menafikan wujudnya Hari Kiamat merupakan suatu fahaman salah dan

bersalah atau bertentangan dengan hadits dan nas Al-Quran. Antara lain juga sebenarnya, mereka tidak sedar bahawa Allah itu Maha Kuasa dan menjadikan, meniadakan atau memusnahkan semua itu adalah mudah sahaja bagi Allah. Allah Maha Kaya bukannya Allah itu bodoh, mensia-siakan apa yang dijadikan atau membazir. Sedangkan Allah mengadakan semua alam ini untuk menunjukkan Allah berkuasa.

Firman Allah s.w.t berkaitan kekuasaan-Nya.

وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا

"Dan (ingatlah!) adalah Allah Amat Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."
(Al-Abzab : 27)

Firman Allah s.w.t berkaitan Hari Kiamat:

الْحَقَّ مَا لَحَقَ وَمَا أَدْرَكَ مَا لَمْ يَحْلُقَ

"Saat yang tetap berlaku itu. Apakah dia sisih dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? Dan apa jalannya engku dapat mengetahui tentang sisih dan keadaan saat yang tetap berlaku itu (Saat itu ialah Hari Kiamat)." (Al-Haqqa : 1-3)

Batiniah mentakwilkan Hari Kiamat itu dengan alamat atau tanda kedatangan Imam mereka yang ditunggu-tunggu atau ilmu yang membawa petunjuk. Batiniah juga mengingkari Padang Mahsyar, Kebangkitan dari Kubur, Syurga dan Neraka. Sebenarnya itu semua mereka takwilkan dengan mengikut akal dan nafsu mereka sahaja. Fahaman itu adalah salah dan jelas keluar daripada Islam. Semua itu sudah jelas dalam nas tentang kewujudannya, sebagaimana firman Allah berkaitan dengan orang munafik.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ الظَّافِقِينَ فِي الدَّرِكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ وَلَنْ يَخْدُلْهُمْ نَصِيرٌ

"Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terlawan sekali dari (lapisan-lapisan dalam) Neraka." (An-Nisa' : 145)

Firman Allah s.w.t berkaitan dengan Padang Mahsyar:

وَيَوْمَ يُحَسِّرُ أَعْدَاءَ اللَّهِ إِلَى الْتَّارِفَةِ بُورَعُونَ

"Dan (ingatlah!) Hari dibimpunkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Nereka." (Fussilat : 19)

Firman Allah s.w.t berkaitan dengan Syurga:

قِيلَ أَدْخُلْ لَكُمْ جَنَّةً

"(Setelah ia mati) lalu dikatakan kepadanya: 'Masuklah ke dalam Syurga'"
(Yasin : 26)

5. Taklif Syara'

Sebagaimana diketahui dan dijelaskan, Batiniah sememangnya mengingkari ada hukum taklif yang lima iaitu wajib, sunnat, haram, harus dan makruh. Bagi mereka semua hukum syara' harus semuanya. Semua fahaman dan pegangan itu adalah salah, kerana jelas dalam nas sebagaimana firman Allah:

Firman Allah s.w.t berkaitan kewajipan berpuasa:

**يَتَأْمَنُوا كُنْبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ
مِنْ قَلْبِكُمْ لَمْ يَكُنْ تَنْعَونَ**

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu." (Al-Baqarah : 183)

Firman Allah s.w.t berkaitan halalnya binatang ternak:

وَاجْلَتْ لَكُمُ الْأَنْعَمُ

"Dan dibalalkan bagi kamu binatang ternak" (Al-Hajj : 30)

Firman Allah s.w.t berkaitan haram makan bangkai:

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai." (Al-Baqarah : 173)

Firman Allah s.w.t berkaitan dengan hukum harus:

لَئِسْ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَأْكُلُوا جَمِيعًا أَوْ أَشْتَأْنَى

"Tidaklah pula menjadi salah pada kamu, makan bersama-sama atau

berasing-asing.” (An-Nur : 64)

Sebagai rumusannya, berdasarkan asas dan dasar yang dibawa oleh fahaman Batiniah tersebut jelas kepada kita mereka adalah golongan yang menyimpang daripada aqidah yang benar dan keluar daripada Islam.

CIRI-CIRI PENYELEWENGAN AQIDAH BATINIAH

Apabila kita kaji dan teliti latar belakang dan asas pembawa atau juga tokoh yang mempelopori ajaran dan fahaman Batiniah itu, jelas kepada kita bahawa ajaran dan fahaman yang mereka bawakan itu menyeleweng daripada aqidah Islam yang benar.

Sesiapa yang mengikuti fahaman itu juga dikira menyeleweng daripada landasan Islam. Fahaman Batiniah adalah menyeleweng daripada landasan aqidah Islam dan terkeluar dari Islam itu sendiri.

Fahaman dan asas yang bertentangan dengan Islam dan aqidah Islam dalam Batiniah ialah:

- Segala pengajaran dan ilmu yang benar bagi mereka ialah ilmu yang dibawa oleh Imam yang maksum sahaja, sedangkan selain daripada imam yang maksum itu tidak diterima oleh mereka dan menolaknya.

Hal ini bertentangan dengan Islam kerana Islam itu mengajak semua orang Islam supaya menyeru untuk kebaikan dan mencegah kemungkaran. Fahaman begitu juga salah, di mana tidak ada sesiapa yang maksum atau semua manusia itu bersalah dan melakukan kesalahan kecuali nabi dan para rasul sahaja.

- Menurut fahaman Batiniah, akal manusia sama sekali tidak dapat menyampaikan kepada kebenaran. Hanya melalui imam sahaja, manusia dapat mencapai kebenaran dan hakikat dan melalui imam juga dapat mendampingi atau mengenal Allah serta untuk menyelami rahsia syara’. Ini juga bertentangan dengan ajaran Islam, di mana Islam menerima akal sebagai wasilah untuk

mencapai kebenaran, cuma akal tidak boleh mencapai hakikat kebenaran sepenuhnya kerana akal itu terbatas untuk menyelami yang ghaib. Untuk itu, akal hendaklah dibantu oleh pancaindera dan wahyu daripada Allah s.w.t serta ajaran yang dibawa oleh Rasul. Al-Quran banyak mengajak manusia menggunakan akal supaya memikirkan kejadian dan untuk pengukuhan aqidah.

- c. Fahaman Batiniah mengatakan Imam sahaja yang dapat menyelesaikan segala masalah dan menunjukkan kebenaran. Ini salah kerana Allah s.w.t sahaja yang dapat menyelesaikan masalah. Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rasul terakhir yang membawa Al-Quran dan hadits. Kedua duanya sahaja yang mesti dipegang dan sudah lengkap.
- d. Fahaman Batiniah juga mengatakan dan berpendapat pada setiap zaman itu mesti muncul dan akan lahir imam maksum yang menjadi ikutan dan pemimpin untuk menunjukkan ke arah kebenaran.

MATLAMAT BATINIAH

Matlamat Batiniah membuat takwilan dalam zahir syara' dan membuat tafsiran batin dan takwilan sesuka hati ialah:

1. Untuk menolak kerasulan nabi Muhammad kerana ia hanya membawa taklif zahir, manakala batinnya hanya Allah yang tahu.
2. Tujuan mereka berbuat begitu untuk merosakkan agama Islam.
3. Tujuan mereka untuk membatalkan hukum Fiqh, di samping menghina dan mencaci nabi Muhammad.

HUKUM DAN BAHAYA BATINIAH

Untuk menilai dan menjelaskan berkaitan dengan bahaya Batiniah ini, disini dibentangkan beberapa pendapat ulama', antaranya ialah:

1. Imam Abdul Qahar Al-Baghdadi dalam kitabnya *Al-Farq Baina Al-Firqah An-Najiyah Minbum* berkata di mana bahaya Batiniah terhadap umat Islam sebenarnya lebih bahaya daripada pengaruh atau musuh Yahudi, Nasrani dan Majusi. Menurut Al-Baghdadi lagi, Batiniah itu malahan lebih bahaya daripada Dajjal. Alasan beliau berkata demikian, kerana orang yang sesat disebabkan ajaran Batiniah itu semenjak daripada awal kemunculannya hingga sekarang lebih ramai berbanding mereka yang akan disesatkan oleh Dajjal apabila ia muncul kelak. Antara lain juga, alasan beliau ialah kerana masa berlaku fitnah Dajjal itu tidak lebih daripada 40 hari sahaja, namun bahaya dan fitnah Batiniah ini lebih banyak daripada bilangan pasir dan titisan hujan.
2. Menurut pendapat dan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Al-'Allamah Abu Muhammad Uthman bin Abdulah bin Al-Hassan Al-'Iraqi Al-Hanafi dalam kitabnya *Al-Fiqh Al-Mustariqah Baina Abl Az-Zaigh Wa Az-Zanadiqah* beliau berkata Batiniah menyangka bahawa yang zahir itu adalah kulit dan yang batinnya itu adalah isi atau biji, maka tidak syak lagi bahawa biji atau isi itulah yang lebih baik daripada kulit. Mereka juga menyangka bahawa batin itu adalah erti, maka tidak syak lagi bahawa tujuan yang sebenarnya ialah ertinya, bukan lafaz atau simbol itu.

Pegangan dan tuntutan mereka seperti itu ialah supaya sampai kepada Al-Khal'u (الخلع) atau pelepasan. Maka apabila telah sampai pada peringkat perlepasan atau pelucutun, mereka meninggalkan segala amalan zahir syara'. Justeru itulah mereka berkata apabila benarlah yang zahir itu, jadi tanda tanya kepada erti yang batin dan erti itulah yang dimaksudkan dan bukannya lafaz. Untuk itu maka benarlah segala amalan yang zahir itu tidak wajib.

Apabila seseorang itu telah sampai ke tingkat tersebut, iaitu mengingkarkan syariat atau ketetapan wajib bererti ia telah terkeluar daripada landasan Islam dan menyeleweng daripada aqidah Islam dan dikira kafir.



3. Begitu juga fatwa yang telah dikeluarkan oleh Al-Baghadadi, di mana beliau telah menyatakan terdapat 72 puak yang telah menurut pengaruh hawa nafsu, yang mana mereka mengakui atau dikatakan masih berbaur dengan Islam. Walaubagaimana pun, di kalangan 72 puak yang dijelaskan itu tidak termasuk Batiniah. Ini menggambarkan pada kita bahawa Batiniah itu adalah sesat dan kafir. Hal itu kerana Batiniah tidak lagi berpegang dengan usul agama atau aqidah atau huru'nya. Antara lain, mereka ini menurut Al-Baghdadī adalah penyebar ajaran Majusi yang mana mereka telah mentakwilkan syariat Islam yang boleh membawa kepada ajaran Majusi.

4. Imam Al-Ghazali berpendapat, Batiniah ini secara jelas dan terang terang memusuhi Islam dan umat Islam. Aqidah dan amalan mereka adalah menyalahi Islam sama sekali. Pada zahirnya mereka seperti Islam tetapi sebenarnya mereka itu kufur. Imam Al-Ghazali menambah lagi, bagi Batiniah, semua pengetahuan itu boleh dicapai dan boleh didapati daripada Imam Maksum. Akal sama sekali tidak dapat mencapai kebenaran. Imam atau guru itu sahaja yang dapat mendampingi Tuhan untuk menyelami rahsia syara'. Imam itulah yang menentukan kebenaran dan menyelesaikan segala permasalahan. Pada setiap zaman mesti ada imam yang maksum yang menjadi tempat tumpuan dalam urusan dan perkara agama.

Sebagai rumusannya, ulama tidak sepakat mengenai hukuman terhadap Batiniah dan pengikut mereka, iaitu:

1. Ada pendapat mengatakan hukum terhadap mereka ialah sebagaimana hukum terhadap Majusi. Iaitu harus dikenakan jizyah, haram makan binatang sembelihan mereka dan haram mengahwini perempuan mereka.

2. Ada pendapat lain mengatakan bahawa hukum ke atas mereka adalah sebagaimana orang murtad, mereka mestilah bertaubat, jika lau tidak mereka mestilah dibunuh.

3. Ada pendapat lain lagi mengatakan, iaitu pendapat Imam

Malik berkata taubat penganut Batiniah dan Zindiq adalah tidak diterima, sekiranya ia sudah tahu itu adalah ajaran Batiniah dan Zindiq. Namun taubat mereka boleh diterima sebelum mereka mengetahuinya.